



**UTM**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTAL LEARNING (ExCEL)  
UKQE 3001 SECTION 12**

**EXTRA-CURRICULAR ACTIVITY REFLECTION REPORT 2**

**PROGRAM: PROGRAM PHOTOSHOP**

**DISEDIAKAN OLEH:  
NOR AZLIA AZIERA BINTI ABD SHUKOR  
A18SC0428**

**NAMA PENSYARAH:  
ASSOC. PROF. DR. HAFANDI AHMAD (UPM)**

**LINK E-PORTFOLIO:**



## REPORTING (MELAPORKAN)

- Diadakan pada 13 April 2019 oleh Kelab Badan Dakwah dan Kerohanian Kolej 9 & 10 bertempat di Bilik Mesyuarat JKM Kolej 9 & 10, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sesi bersama panel pengajar yang sangat menarik dan mudah difahami bagi peserta yang masih baru dalam bidang suntingan menggunakan Adobe Photoshop.

## RESPONDING (BERTINDAK BALAS)

- Pelajar hadir mengikut waktu yang ditetapkan akan tetapi pemegang kunci Bilik Mesyuarat dan ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab hadir lambat.
- Program kurang mendapat sambutan dari pelajar terutamanya dari ahli BADAR Kolej 9 & 10.
- Program berjalan dengan lancar dengan kerjasama dari semua pihak terlibat.

## RELATING (MENGAITKAN)

- Pengisian program yang menarik dan memberi pengalaman yang berguna kepada para peserta.
- Struktur organisasi yang teratur dan semua ahli jawatankuasa yang telah dilantik menjalankan tugas yang diamanahkan.

## REASONING (MENAAKULKAN)

- Semua ahli jawatankuasa sentiasa bekerjasama antara satu sama lain untuk merealisasikan program ini.
- Komunikasi antara ahli jawatankuasa sangat efektif dan segala permasalahan atau isu yang timbul dapat diselesaikan dengan baik.

## RECONSTRUCTING (MELAPORKAN)

- Semangat kerjasama berkumpulan merupakan aspek penting dalam sesebuah struktur organisasi program agar perjalanan sebelum, semasa dan selepas program berjalan dengan lancar.
- Pengisian program perlu diperbaiki untuk menarik minat peserta pada program akan datang.

## **Laporan Program Photoshop Kelab Badan Dakwah Dan Kerohanian Kolej 9&10**

Program Photoshop merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Badan Dakwah Dan Kerohanian Kolej 9&10 yang telah diadakan pada 13 April 2019 bertempat di bilik mesyuarat JKM Kolej 9 dan 10. Bagi menjayakan lagi program ini, pihak kami telah menjemput dua orang panel pengajar iaitu Saudara Mohd Shafri Bin Mohd Sarjidi yang merupakan pelajar tahun 4 dari Exco Ekonomi Persatuan Mahasiswa Islam UTM dan juga Saudari Nuraiza Najiha Bt Zulkifli yang juga merupakan pelajar tahun 4 dari Exco Penerangan dan Multimedia Persatuan Mahasiswa Islam UTM. Kedua-dua panel pengajar ini mempunyai kemahiran menyunting gambar dan penghasilan poster menggunakan aplikasi Adobe Photoshop.

Program ini dimulakan dengan sesi pendaftaran pada jam 8.30 pagi di bilik mesyuarat JKM Kolej 9 dan 10. Seramai 11 orang peserta telah menyertai program ini yang mana terdiri daripada ahli Kelab Badan Dakwah Dan Kerohanian Kolej 9&10. Para peserta dibekalkan dengan roti, air mineral dan air kotak sebagai sarapan pagi. Tugas saya selaku setiausaha program adalah untuk memastikan semua ahli jawatankuasa menjalankan tugas mereka dan mencatat segala agenda yang berlaku sepanjang program berlangsung. Kemudian, sesi pertama dimulakan dengan pengenalan kepada Adobe Photoshop, yang merupakan salah satu aplikasi menyunting gambar yang popular. Peserta didedahkan dengan kemahiran mengedit gambar menggunakan aplikasi Adobe Photoshop yang dapat menghasilkan gambar atau poster yang lebih berkualiti dan menarik. Aktiviti diadakan di persekitaran yang selamat dan kondusif. Menjelang akhir program ini, upacara penutup telah berlangsung dan cenderahati diberikan kepada kedua panel.

Program ini bertujuan untuk mengajar dan mengasah kemahiran menyunting gambar khususnya kepada ahli BADAR Kolej 9&10 dan kepada para pelajar secara amnya. Selain itu, pelaksanaan program ini juga dapat meningkatkan imej BADAR Kolej 9&10 sebagai sebuah organisasi yang Islam yang bersifat moden dan mengikuti perkembangan teknologi semasa untuk berdakwah. Di samping itu, kemahiran yang diperoleh dari program ini dapat menghasilkan gambar atau poster yang berkualiti dan menjadikan media sosial sebagai platform yang penting untuk menyebarkan dakwah dan mendekati masyarakat dengan lebih dekat ke arah Islam.

Pelajar hadir mengikut waktu yang ditetapkan akan tetapi pemegang kunci Bilik Mesyuarat dan ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab hadir lambat. Tidak seperti program lain yang pernah saya kendali, peserta hadir tepat pada masanya. Pada pendapat saya, program kurang mendapat sambutan dari pelajar terutamanya dari ahli BADAR Kolej 9 & 10. Hal ini demikian kerana, mungkin program ini kurang diwar-warkan kepada pelajar lain yang berkemungkinan berminat untuk menghadiri program ini. Secara keseluruhannya, program berjalan dengan lancar dengan kerjasama dari semua pihak terlibat. Berdasarkan pemerhatian saya, pengisian program yang menarik dan memberi pengalaman yang berguna kepada para peserta di mana peserta diberi peluang untuk menggunakan Adobe Photoshop sendiri dan dibimbing oleh dua orang panel jemputan. Selain itu, struktur organisasi yang teratur dan semua ahli jawatankuasa yang telah dilantik menjalankan tugas yang diamanahkan. Semua ahli jawatankuasa sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan untuk merealisasikan program ini. Komunikasi antara ahli jawatankuasa sangat efektif dan segala permasalahan atau isu yang timbul dapat diselesaikan dengan baik.

Sepanjang mengendalikan program ini, saya menyedari bahawa semangat kerjasama berkumpulan merupakan aspek penting dalam sesebuah struktur organisasi program agar perjalanan sebelum, semasa dan selepas program berjalan dengan lancar. Perkara ini perlu sentiasa diambil kira sebagai perkara penting agar semua ahli jawatankuasa dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Tambahan pula, pengisian program boleh diperbaiki lagi untuk menarik minat peserta pada program akan datang. Akhir sekali, melalui program seperti ini saya berharap agar ilmu penyuntingan gambar yang telah saya dan peserta lain pelajari dapat diaplikasikan dan digunakan untuk menghasilkan gambar yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

## **BUKTI PENGLIBATAN**

1      1      3      0      3      6      2      5      19  
Career Award Sport Innovation Cultural Academic Volunteer Entrepreneurship Leadership

| <b>No.</b> | <b>Activity</b>             | <b>Category</b> | <b>Role</b>                  | <b>Start Date</b> | <b>End Date</b> |
|------------|-----------------------------|-----------------|------------------------------|-------------------|-----------------|
| 1          | BIONITE DINNER 2020         | Leadership      | Committee - Fasilitator      |                   |                 |
| 2          | HARI KOKURIKULUM UTM 2019   | Leadership      |                              |                   |                 |
| 3          | KEMBARA SISWA BERIMPAK 2019 | Leadership      |                              |                   |                 |
| 4          | PHOTOSHOP PROGRAM           | Leadership      | Committee - Secretary        |                   |                 |
| 5          | SUKAN FAKULTI (SUKFAS)      | Leadership      | Committee - Committee member |                   |                 |

Bukti dari laman web <http://academic.utm.my/> (Sistem Merit UTM)

## MEMORI PROGRAM PHOTOSHOP

